

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

RUJUKAN : 6933

SOALAN:

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah indeks jenayah mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap PDRM di mana adakah penurunan dalam indeks jenayah menunjukkan persepsi masyarakat terhadap PDRM adalah positif dan sebaliknya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Rekod PDRM menunjukkan bahawa jenayah indeks telah menurun, namun adalah sukar untuk menganggarkan secara pasti hubungan jenayah indeks dalam mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap PDRM memandangkan terdapat pelbagai faktor berbeza yang terlibat. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan pada bulan Julai dan Oktober 2013 oleh perunding yang dilantik Kerajaan telah mendapati bahawa rasa takut terhadap jenayah (*Fear Of Crime*) telah menurun manakala kepuasan terhadap perkhidmatan kaunter barisan hadapan PDRM (*Satisfaction With PDRM Frontline Counter Service*) pula menunjukkan peningkatan yang positif.

Kajian berkenaan mendapati rasa takut terhadap jenayah yang dicatatkan pada bulan Oktober 2013 iaitu 38.2% telah menurun sebanyak 11.2% berbanding pada bulan Julai tahun yang sama iaitu 49.4%. Dapatan ini juga didapati menurun sebanyak 19.1% jika dibandingkan hasil kajian pada bulan Oktober 2012, iaitu 57.3%.

Kajian turut menunjukkan kepuasan terhadap perkhidmatan kaunter barisan hadapan PDRM semakin meningkat di mana dapatan pada bulan Oktober 2013 iaitu 85.7% didapati meningkat sebanyak 1.1% berbanding pada bulan Julai tahun yang sama iaitu 84.6%. Dapatan ini juga meningkat sebanyak 20% berbanding pada Oktober 2012 iaitu 65.7%.